

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)**

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah ibu yang berwarganegara Malaysia menghadapi cabaran dan diskriminasi terhadap permohonan kewarganegaraan anak mereka yang dilahirkan di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara kepada ibu bertaraf warganegara Malaysia dengan bapa bertaraf Bukan Warganegara adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, pertimbangan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan turut mengambil kira dasar Kerajaan yang tidak mengiktiraf dwi-kewarganegaraan.